

Kerajaan kaji lantik GLC edar bekalan keperluan

Langkah ganti kekosongan khidmat Pernas, LPN pastikan bahan cukup

BH 24/6/08 M/S 2

Oleh Azhar Abu Samah,
Norfatimah Ahmad, Anwar
Hussin, Zainab Mohd Yatim,
Abdul Halim Yusoff,
R Magendran dan Nazura Ngah

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang menimbang cadangan menubuhkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) untuk menjadi pengedar utama bekalan barang keperluan di negara ini bagi meningkatkan keberkesanan rangkaian serta mengatasi masalah kekurangan bekalan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Samad, berkata langkah itu dibuat kerana kerajaan berasa kehilangan agensi seperti Perbadanan Nasional Bhd (Pernas) dan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang bertanggungjawab terhadap bekalan dan pengedaran.

"Perkara ini masih pada peringkat pertimbangan dan rancangan... kita

akan melaksanakan pengedaran ini, khususnya barang keperluan agar dapat sampai kepada golongan sasaran, iaitu yang berpendapatan rendah sama ada di bandar, mahupun luar bandar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Hamim Samuri (BN-Ledang) yang ingin tahu langkah kerajaan untuk menambah bekalan barang keperluan dari aspek pengedaran dan sama ada GLC akan digunakan sebagai pengedar utama bekalan barang utama.

Mengulas pemantauan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan barang keperluan harian, katanya, kementerian melancarkan Ops Harga dan antara 9 hingga 16 Jun lalu, 28,031 pemeriksaan premis dijalankan.

"Dua puluh kes sudah didakwa mengikut Akta Kawalan Harga 1946 dan Akta Perihal Dagangan 1972, manakala jumlah nilai rampasan keseluruhan adalah RM9,952.81 dan kom-

paun bernilai RM1,150," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Malaysia yakin menangani krisis kekurangan bekalan makanan, termasuk beras yang sedang dihadapi dunia.

"Mungkin ada beberapa kawasan

“Pengedaran ini akan dilaksanakan khususnya barang keperluan agar dapat sampai kepada golongan berpendapatan rendah”

Shahrir Samad
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna

tertentu kadang-kadang ada sedikit sebanyak masalah. Tetapi secara umumnya kita sudah berjaya memastikan bekalan beras itu sentiasa berada dan mencukupi di pasaran," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Datuk Halimah Mohamed Sadique (BN-Tenggaru) yang mahu tahu adakah Malaysia mempunyai keupayaan untuk menampung keperluan rakyat dalam krisis bekalan makanan.

Mustapa berkata, kerajaan yakin dengan pelbagai langkah dan peruntukan besar yang diambil, termasuk meningkatkan stok beras daripada 92,000 tan kepada 500,000 tan, Malaysia dapat menangani krisis itu.

"Makanan lain, ikan, daging dan kita dapat tiada masalah besar, kerana kita mengeluarkan bekalan cukup dan melonggarkan pasaran apabila berlaku kekurangan yang ketara selain membenarkan import, jika perlu," katanya.